

Lima negeri terkesan banjir libatkan 14 daerah

Oleh AZIZAH SHAFIEI | 13 Disember 2022, 2:16 pm



ARMIZAN (dua dari kanan) bertanya khabar banjir yang ditempatkan di PPS SMK Seri Semantan Mentakab di Temerloh hari ini.

TEMERLOH – Jumlah mangsa banjir di seluruh negara terus menunjukkan peningkatan kepada 2,800 mangsa daripada 849 keluarga yang direkodkan berada di 23 pusat pemindahan sementara (PPS) setakat jam 12.00 tengahari, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, berdasarkan laporan, bilangan negeri yang terkesan banjir kekal lima negeri yang melibatkan 14 daerah.

“Pecahan mangsa banjir mengikut negeri dan bilangan daerah di negeri Perak iaitu sebanyak empat PPS yang telah dibuka, sementara di Johor (2 PPS), Kelantan (7 PPS), Terengganu (6 PPS) dan Pahang (4 PPS).

“Di Pahang, PPS SMK Seri Semantan merekodkan jumlah tertinggi mangsa banjir di Pahang dengan 339 orang daripada 103 keluarga membabitkan penduduk Kampung Batu Kapor Bawah, Batu Kapor Atas dan Kampung Sungai Buluh sekitar Mentakab,” katanya selepas melawat mangsa banjir di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Semantan, di Mentakab, hari ini.

Dalam pada itu katanya di Perak, seramai 171 mangsa daripada 42 keluarga telah ditempatkan di empat PPS, manakala di Terengganu pula sebanyak 47 keluarga membabitkan 176 mangsa direkodkan berdaftar di enam PPS yang dibuka.

Beliau memberitahu di negeri Kelantan, tujuh PPS yang dibuka menempatkan seramai 1,969 mangsa daripada 618 keluarga dan di Johor seramai 51 mangsa daripada 15 keluarga ditempatkan di dua PPS yang telah dibuka di daerah Segamat.

“Berdasarkan laporan, sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada awal November lalu, semua negeri yang terkesan banjir berjaya menguruskan keadaan dengan baik.

“Saya berharap, momentum ini dapat diteruskan memandangkan negara baru sahaja melalui Luruan Monsun yang pertama,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE